

SEPTEMBER 2021




CASSIO

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



SELAMAT MENYAMBUT
HARI MALAYSIA
*ke-***58** 2021



Perladangan



Logistik &
Lain-lain



Gula



Pertanian
Bersepadu



Produk
Pengguna

*Indikasi Operasi Mengikut Negeri



CORETAN GCEO GCEO'S JOTTINGS

Warga FGV yang dihormati,

Di dalam coretan pertama ini, saya ingin menghulurkan salam perkenalan kepada semua petugas tidak kira di mana anda berada. Sama ada anda di bahagian operasi, jualan dan pemasaran, pusat khidmat mahupun sektor sokongan, saya juga seperti anda merupakan Warga FGV yang diamanahkan untuk menjalankan perniagaan syarikat.

Setelah lebih sebulan menyertai FGV, saya amat teruja untuk mendalami selok-belok perniagaan Kumpulan yang berpelbagai ini. Dengan lebih 15 ribu petugas di seluruh negara dan kira-kira 25 ribu tenaga kerja asing, FGV dan syarikat-syarikat Kumpulan adalah sebuah keluarga besar yang memerlukan hala tuju yang kukuh untuk berkembang dan kekal maju demi kesejahteraan warganya serta pihak-pihak berkepentingan.

Saya menyertai FGV di dalam keadaan negara berdepan dengan krisis COVID-19. Melihat kepada keadaan semasa, kelihatannya seperti sudah ada sinar di hujung jalan. Tahniah kepada Warga FGV yang turut menyokong program vaksinasi negara dan setakat 10 Oktober, 86.2% atau 40,354 petugas dan tenaga kerja Kumpulan FGV telah pun melengkapkan dua dos vaksin. Manakala 12.1% petugas dan tenaga kerja yang telah melengkapkan dos pertama sedang menunggu untuk mendapat suntikan dos yang kedua.

Saya dimaklumkan bahawa syarikat sedang menggubal polisi berkaitan petugas yang enggan divaksinasi dan ini dilakukan demi kepentingan semua. Kita mesti sedar bahawa walaupun vaksinasi tidak memberi kekebalan daripada penyakit COVID-19 ini, namun selain mematuhi SOP serta menjaga kebersihan dan kesihatan, vaksinasi merupakan

ikhtiar kita untuk melindungi diri, keluarga, masyarakat dan negara. Ianya juga penting demi kesinambungan dan masa depan syarikat kerana petugas dan tenaga kerja kita dapat beroperasi dengan kadar 100%.

Walaupun syarikat berdepan pelbagai cabaran akibat wabak yang melanda, kita perlu sentiasa positif dan mencari hikmah di sebalik kemelut ini. Kita melihat pelbagai syarikat yang mengambil kesempatan ini untuk menetap atau mengkaji semula semua aspek perniagaan yang dijalankan. Apa yang penting, kita tidak boleh berdiam diri dan mengharapkan semuanya akan okay dengan sendirinya. Kita perlu menyesuaikan diri dan terus maju ke hadapan.

Seperti yang telah diumumkan, FGV telah pun memberi komitmen kepada Sasaran Berpanduan Sains di dalam anjakan paradigma kelestarian kumpulan FGV. Ianya sejajar dengan transformasi ke arah impak sifar terhadap alam sekitar. Apa yang ingin saya tekankan di sini adalah kita harus menyedari bahawa perubahan iklim akan turut mempengaruhi masa depan kita sebagai sebuah syarikat agribisnis, khususnya kepada kelangsungan dan risiko perniagaan. Oleh itu semua syarikat Kumpulan perlu mengambil kira faktor-faktor kelestarian ini di dalam keputusan-keputusan perniagaan yang dibuat.

Dalam pada itu, kita telah pun memasuki ke suku keempat dan seperti pelari 400 meter, 100 meter terakhir adalah pecutan yang terakhir yang memerlukan kita berlari sekuat hati. Di sinilah kita mengeluarkan seluruh tenaga dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat hasil yang terbaik. Alhamdulillah, suku ketiga telah pun menunjukkan keputusan yang memberansangkan dan dalam pada

itu kita perlu terus mengatur strategi untuk tahun yang mendatang.

FGV berada di posisi yang baik untuk menjadi sebuah syarikat pengeluar makanan yang besar. Kita mempunyai semua ramuan yang betul seperti akses kepada bahan mentah, rangkaian perniagaan dan pengangkutan yang bersepadu untuk mencapai visi ini. Peluang-peluang perniagaan harus diraih kerana negara masih lagi bergantung kepada import makanan dari negara-negara luar. Saya dimaklumkan bahawa visi untuk membesarkan perniagaan hiliran bagi meningkatkan produk pengguna ini telah pun dicetuskan lebih 10 tahun yang lalu, maka sudah sampai masanya kita menjadikan ia realiti yang memberi pulangan sepatutnya kepada syarikat.

Saya percaya kita mempunyai sumber dan kepakaran untuk melaksanakan visi dan misi ini. Namun apakah yang menjadi penghalang untuk kita mencapainya? Sama-samalah kita fikirkan.

Marilah kita menguatkan semangat dan meneruskan usaha kita untuk menjadikan FGV sebuah syarikat yang hebat dan peneraju industri di hadapan pemain-pemain yang lain. Untuk kekal berdaya saing, FGV memerlukan petugas yang komited dan berfikiran terbuka kepada perubahan pasaran yang semakin tidak menentu. Usaha kita mensiasakan masa dengan politik dalaman yang hanya akan menyekat kemajuan syarikat. InsyaAllah, dengan kerjasama sepasukan, kita boleh meraih kejayaan yang diimpikan.

Sekian, terima kasih.

Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV



RINGKASAN BERITA FGV



14,635 Vaksin Untuk Program VACOMS Pekerja Ladang Tempatan dan Migran FGV

14,635 bekalan vaksin telah diluluskan untuk FGV bagi melaksanakan program vaksinasi pekerja ladang tempatan dan migrannya di Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor di bawah inisiatif Vaksinasi Sektor Agrikomoditi (VACOMS). Pelaksanaan program VACOMS merupakan inisiatif FGV dalam menyokong usaha kerajaan memperluaskan pemberian vaksin kepada petugas barisan hadapan sektor ekonomi, khususnya industri perladangan negara. Penyediaan vaksin merupakan tanggungjawab FGV dalam memastikan setiap pekerja yang berkhidmat di ladang-ladang FGV mempunyai akses terhadap hak kesihatan dan berharap langkah ini dapat membantu mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.



Lembaga Pengarah FGV Tubuh Jawatankuasa Kelestarian

Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah FGV dalam memenuhi tanggungjawab pengawasannya berhubung polisi, strategi dan inisiatif kelestarian Kumpulan FGV. Keputusan ini memperkukuh komitmen tinggi FGV terhadap kelestarian, dan mencerminkan tekad FGV dalam memastikan pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) terus menjadi keutamaan dalam hal ehwal FGV. Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV dan dianggotai oleh empat ahli Lembaga Pengarah yang lain iaitu Dato' Yusli Mohamed Yusoff, Dato' Amiruddin Abdul Satar, Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin dan Kasmuri Sukardi.

FGV Komited Menjadi Syarikat Sifar Bersih Menjelang 2050

FGV melancarkan pelan tindakan perubahan iklim bagi keseluruhan Kumpulan syarikat demi menangani perubahan iklim, sejajar dengan aspirasinya untuk menjadi syarikat sifar bersih menjelang 2050. FGV merupakan syarikat makanan dan perladangan pertama di Malaysia yang memformalkan komitmen tersebut dengan menandatangani ikrar *Business Ambition for 1.5°C* yang diterajui oleh SBTi. Komitmen terhadap sasaran berpandukan sains mengutamakan FGV untuk mengurangkan sebanyak separuh daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 dan mencapai sasaran sifar bersih selewat-lewatnya pada tahun 2050.



RM300,000 Disumbangkan Kepada 300 Mangsa Banjir di Yan, Kedah

Sumbangan bernilai RM300,000 berupa wang tunai dan produk keluaran FGV telah disalurkan oleh FGV kepada 300 penduduk di Yan, Kedah yang terjejas akibat banjir bulan lalu. Selain itu, FGV turut bekerjasama dengan Yayasan FELDA yang membantu dalam proses penyelarasan program, penyerahan sumbangan dan urusan logistik. Peruntukan bernilai RM1,000 bagi setiap keluarga yang terjejas merangkumi pemberian tunai sebanyak RM700 yang dikreditkan terus ke dalam akaun penerima dan RM300 lagi dalam bentuk produk keluaran FGV. Tabung Kebajikan FGV telah diaktifkan bagi meringankan beban penduduk tempatan yang menjadi mangsa fenomena kepala air dan banjir kilat itu. Semoga sumbangan ini dapat membantu penduduk setempat dalam menjalani kehidupan seharian mereka.



“Saya bersyukur, semua yang saya perlukan ada di FGV” – Mohd Zahir Zubir



Beliau antara insan yang bertanggungjawab memastikan aspek keselesaan, keselamatan dan aduan daripada semua penghuni di Wisma FGV diberikan perhatian sewajarnya. Bertugas di Jabatan Pengurusan Fasilitas (FMD) Wisma FGV selama hampir dua tahun, ‘Wira FGV’ kali ini Mohd Zahir Zubir memiliki komitmen yang tinggi dalam memastikan operasi harian di bangunan berjalan dengan lancar.

Menurut Zahir, rutin kerja beliau sentiasa penuh dan sibuk setiap hari. Seawal tiba di pejabat, beliau akan turun membantu rakan-rakan lain di unit keselamatan untuk mengawal selia pergerakan masuk petugas-petugas ke Wisma FGV.

“Memandangkan negara ketika ini masih lagi berada di dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), saya serta rakan-rakan akan memastikan semua petugas yang hadir di pejabat mematuhi peraturan dan SOP yang telah ditetapkan. Ini penting bagi melindungi bukan sahaja diri sendiri malah mereka yang lain juga,” ujar bapa kepada lapan cahaya mata ini.

Selesai tugas di lobi Wisma FGV, Zahir akan memeriksa samada aduan-aduan yang diterima oleh pelanggan (petugas FGV) telah diambil tindakan atau sebaliknya.

“Ini sangat penting kerana jabatan FMD perlu memastikan tugas harian petugas-petugas kita di bangunan ini tidak terganggu oleh masalah-masalah

teknikal, antaranya seperti kerosakan lampu dan sistem pendawaian elektrik. Selain itu, FMD juga mengendalikan aspek pengubahsuaian pejabat serta menguruskan pemasangan peralatan dan kemudahan pejabat berdasarkan keperluan semasa syarikat atau jabatan. Bagaimanapun, jika ianya melibatkan kawasan kegunaan bersama seperti kemudahan lif, tandas, serta ruang parkir dalam bangunan, pihak kami akan memajukan sebarang aduan kepada pihak pengurusan pemilik bangunan iaitu DZ Angkasa untuk tindakan susulan,” kata Zahir yang kini hampir 20 tahun berkhidmat di Kumpulan FGV.

Menurut beliau, kerjaya sebagai ‘penjaga bangunan’ ini bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh diambil sambil lewa. Ia juga turut menuntut petugas di jabatan ini untuk sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan. “Ada kalanya kita juga bekerja dalam tempoh masa yang panjang termasuklah pada waktu cuti rehat. Ini kerana, ada kerja-kerja perlu dilaksanakan di luar waktu puncak bagi mengelakkan gangguan bunyi yang ketara kepada petugas lain terutamanya kerja pengubahsuaian ruang pejabat,” jelas Zahir, sebarang kegagalan mengurus aduan tugas hanya mengundang persepsi negatif terhadap kemampuan FMD dalam mengendalikan sesuatu perkara.



Menyentuh tentang perkhidmatan beliau di FGV, Zahir berkata syarikat ini merupakan syarikat pertama beliau selepas menamatkan kursus latihan kemahiran di Pusat Latihan Trolak, Perak dalam bidang multimedia yang juga merupakan kursus di bawah anjuran FELDA dan FGV Prodata ketika itu. Beliau bersyukur kerana diberikan peluang untuk berkhidmat di Kumpulan FGV menerusi FGV Prodata selama 16 tahun yang lalu sebelum berpindah ke Bahagian Modal Insan Kumpulan selama setahun dan anak syarikat Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) di Pasir Gudang selama dua tahun.



“Pengalaman bekerja di DOPSB Pasir Gudang antara kenangan yang tidak dapat saya lupakan kerana pada ketika itu, negara sedang berada dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1. Bekerja dalam tempoh PKP yang sukar amat berharga kerana banyak perkara baharu yang dapat dipelajari seperti berurusan dengan pihak berkuasa tempatan untuk sebarang maklumat berhubung kebenaran operasi dan pergerakan petugas di kilang,” kata Zahir mengimbas kembali saat bekerja di bawah syarikat berkenaan.

Kini setelah 20 tahun, Zahir bersyukur dapat meneruskan khidmat dengan FGV. Beliau tidak melepaskan peluang untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan di FGV antaranya sebagai salah seorang ahli jawatankuasa di surau Al-Muhajirin Wisma FGV, setiausaha Kelab Sukan dan Rekreasi FGV Zon KL dan ahli Persatuan Bomba Sukarela FGV.

“Saya gemar menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat, dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan bagi menjayakan aktiviti yang disertai. Bagi saya, kerjaya adalah suatu amanah, manakala aktiviti kemasyarakatan yang memberikan manfaat kepada orang lain merupakan ibadah. Kedua-duanya saya dapat perolehi di FGV ini,” kata Zahir yang berharap FGV dapat terus memberi lebih banyak sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara di masa hadapan.

■ Tahniah Loji Janakuasa Biomass Sahabat!



Perladangan (MPC) yang dibangunkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence Division*). Loji Janakuasa Biomass Sahabat yang berkeluasan 230,000 meter persegi ini telah dianugerahkan pensijilan QE/5S bertaraf 3 bintang dalam satu majlis ringkas pada 27 Ogos 2021 di pejabat Loji Janakuasa Biomass Sahabat.

Baru-baru ini Loji Janakuasa Biomass Sahabat (IPP Sahabat), FGV Palm Industries Sdn Bhd yang berpangkalan di Lahad Datu, Sabah telah dipersijilkan dengan Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Inisiatif yang digerakkan oleh IPP Sahabat ini merupakan sebahagian daripada kesinambungan dan replikasi daripada inisiatif Konsep Model

Lebih membanggakan, menurut laporan laman Facebook MPC, Loji Janakuasa Sahabat adalah loji janakuasa berteraskan kelapa sawit yang pertama di dunia dianugerahkan dengan Pensijilan QE/5S ini.

Saksikan video sistem amalan persekitaran berkualiti QE/5S yang dijalankan di Loji Janakuasa Biomass Sahabat melalui pautan ini. <https://bit.ly/3itqRUN>



9 LANGKAH

GEMBA WALK YANG BERKESAN

APA ITU **GEMBA WALK**?

Gemba Walk bermaksud tindakan melihat proses sebenar, memahami kerja, bertanya soalan, serta belajar. Ia juga dikenali sebagai salah satu asas bagi falsafah Pengurusan *Lean* (*Lean Management*). *Gemba Walk* merupakan salah satu daripada lima prinsip panduan *Lean* yang seharusnya diamalkan oleh ketua *Lean* setiap hari. *Gemba Walk* merupakan aktiviti yang dapat mendorong pihak pengurusan tampil di lapangan untuk mengenalpasti pembaziran dan peluang untuk mengamalkan *Gemba Kaizen* atau secara praktikal di lapangan.



BAHAGIAN
KECEMERLANGAN
OPERASI
“Pemangkin
Perubahan
Dinamik”

Ini merupakan antara langkah pertama daripada 4P *Kaizen Workout*, pendekatan ubahsuai yang dihasilkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi, FGV

IMBAS SINI



GARIS PANDUAN JENAMA

Penggunaan Logo FGV Yang Harus Dihindari

Jenama FGV harus dipamerkan dengan cara yang tepat dan bersesuaian. Segala usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa setiap elemen jenama memenuhi maksud asalnya.



Jangan letakkan logo pada sudut tidak tepat



Jangan herot-benyotkan logo



Jangan tambahkan apa-apa efek pada logo



Jangan gariskan logo



Jangan letakkan logo dalam bentuk lain



Jangan buat logo menggunakan font baru



Jangan ubah kedudukan atau saiz elemen bentuk logo



Jangan ubah warna logo



Jangan letakkan logo atas warna yang kurang kontrasnya



Jangan letakkan logo atas latar belakang yang sibuk



Jangan reka logo baharu untuk Bahagian atau Jabatan



Tag merah harus bermula dari hujung atas kanan. Jangan guna FGV tag merah di tengah-tengah

Manual Identiti Korporat ini boleh didapati di FGV Hub dan fgvholdings.com. Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda dalam usaha memperkukuhkan penjenamaan FGV.


“

Dalam mencari kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan, saya selalunya melakukan sesuatu berlandaskan kepada kebenaran. *Input* yang benar akan menghasilkan *output* yang benar.

”

Zulkifli Othman,
Ketua Bahagian Hiliran FGV
dan Ketua Pegawai Eksekutif
Delima Oil Products Sdn Bhd





Di Mana Bumi Dipijak Di Situ Langit Dijunjung

Saya berkhidmat di Sabah sebagai Pegawai Tadbir FELDA dari tahun 1987 sehingga tahun 1994 untuk melaksanakan program Rancangan FELDA di Lahad Datu. Hutan belantara yang kini dikenali dengan FELDA Sahabat diterokai untuk menjadi ladang-ladang sawit yang subur dan maju.

Pada mulanya saya memang mengalami kejutan budaya kerana itulah pengalaman pertama bekerja di tempat orang. Perasaannya seperti berada di luar negara kerana perbezaan masa itu agak ketara, subuh begitu awal dan senja juga amat cepat, sesuatu yang sangat berbeza dari negeri asal saya iaitu Perlis. Pelbagai suku kaum Sabah yang begitu unik dari segi bahasa dan budaya juga begitu mempersonakan.

Saya mendirikan rumahtangga pada penghujung 1987 dan isteri turut mengikut saya menjadi guru di Lahad

Datu. Pelbagai pengalaman berharga saya lalui di dalam perkhidmatan, antaranya adalah menjelajah ke dalam kampung-kampung di pedalaman untuk mencari peserta rancangan FELDA. Saya menemuramah lebih 600 penduduk yang berminat untuk menyertai rancangan FELDA.

Ada juga insiden terpencil apabila beberapa penduduk kampung tidak berpuas hati apabila melibatkan soal tanah dan juga pertembungan dengan kumpulan pemberontak dari Selatan Filipina tetapi semuanya menjadi asam garam kehidupan dan cabaran yang terpaksa ditempuh.

Saya kembali berkhidmat di Sahabat di bawah FELDA Plantation pada 2008 sehingga 2009. Saya amat gembira kerana pelbagai kemajuan telah pun dicapai ketika itu. Ladang Sahabat adalah antara ladang yang tinggi hasilnya. Sekali lagi saya ke Sabah pada 2019-2020 di bawah FGV

Plantations untuk memberi fokus kepada isu tenaga kerja asing di sana.

Sempena Hari Malaysia ini, saya amat berbangga kerana dapat menabur bakti di bumi Sabah. Bak kata pepatah, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Semoga perpaduan di antara kita akan terus kukuh selama-lamanya.

Md Amin Salleh
Pengurus Besar Kanan
Jabatan Tenaga Kerja &
Perhubungan Peneroka, FGVPM



Laut China Selatan Bukan Pemisah Cinta Kami

2014 merupakan tahun yang manis buat saya kerana bertemu dengan pasangan hidup saya Mohd Shahrizal Mohd Salleh ketika berkhidmat di pejabat FGVPM / FGVPI di Kompleks Sahabat, Sabah. Sebagai anak Sabah, saya tidak menyangka akan bertemu jodoh dengan anak negeri Pahang.

Alhamdulillah, kami dikurniakan tiga orang cahaya mata, dua dilahirkan di Lahad Datu dan seorang lagi di Kuala Lumpur. Saya berbangga kerana penyatuan kami menghasilkan anak Malaysia yang mengeratkan hubungan di antara Semenanjung dan Sabah.

Oleh kerana itu saya amat teruja apabila bertukar ke Jabatan Kewangan FGVPM di Kuala Lumpur apabila suami turut ditukarkan ke ibu pejabat FGV Kernel. Walau bagaimanapun, perasaan bimbang tetap ada kerana berjauhan dari ibu-bapa dan adik-beradik, dan saya tidak mempunyai saudara-mara di Kuala Lumpur.

Mengenang kembali, Shahrizal juga menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri dengan budaya kerja ketika beliau mula ditukarkan ke Sabah. Untunglah dia cepat melibatkan diri secara aktif dengan petugas-petugas lain dari pelbagai peringkat yang banyak membantu proses memahami budaya di Sabah. Jadi saya mengambil pendekatan tersebut untuk menyesuaikan diri terutamanya untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Apabila mengandung anak ketiga, Shahrizal berkhidmat pula di FGVPM Serting dan hanya pulang di hujung minggu. Saya terpaksa menguruskan dua orang anak tanpa bantuan sesiapa. Kerisauan melanda kerana bimbang jika terpaksa melahirkan anak ketika suami tiada untuk membantu.

Saya amat terharu apabila Shahrizal mewujudkan kumpulan WhatsApp ERT bersama-sama rakan-rakan sekerja kami yang tinggal berhampiran untuk

membantu sekiranya diperlukan. Alhamdulillah, anak ketiga dilahirkan ketika Shahrizal sedang bercuti. Namun inilah keistimewaan rakyat Malaysia, warga FGV khususnya yang berbilang bangsa tetapi saling tolong-menolong ketika memerlukan.

Selamat Hari Malaysia dari kami sekeluarga!

Hadijah Mustafa, FGVPM
Mohd Shahrizal Mohd Salleh, FGVKP



Malaysia, Tanah Berbilang Bangsa



"Sarawak dalam Malaysia, aman makmur rahmat Tuhan Maha Esa," adalah antara bait-bait lirik Ibu Pertiwiku, lagu kebangsaan Negeri Sarawak yang terpahat kemas di dalam hati saya. Di atas peluang yang sama rata untuk rakyat Malaysia, saya bertuah dapat menyambung pengajian serta membina karier di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah.

Tahun 2007 saya berpeluang bekerja di FGV Plantations (M) Sdn Bhd

(dahulunya dikenali sebagai Felda Plantations Sdn Bhd). Berbekalkan ijazah di dalam bidang perladangan, saya menyahut cabaran untuk memulakan kerjaya di Ladang FGV Triang 2, Triang Pahang selama 2 tahun. Saya kemudiannya berpindah ke Ladang FGV Sahabat 36, Lahad Datu, Sabah dan berkhidmat di sana selama empat tahun setengah. Menimba pengalaman di perantauan memberikan 1001 cerita, kenangan dan memori yang tidak akan saya lupakan. Antaranya tentulah saya selalu merindui masakan ikan patin masak tempoyak dan sambal hitam yang menjadi kegemaran saya sehingga kini.

Saya kini kembali menabur bakti di negeri kelahiran di Pejabat Wilayah Sampadi. Bermula hanya sebagai seorang lepasan graduan yang tidak mengenali sesiapa, saya kini bangga kerana mempunyai sebuah keluarga

besar di dalam FGV Plantations (M) Sdn Bhd selama lebih 14 tahun.

Peluang ini tidak wujud jika negara tidak merdeka. Peluang ini juga tidak wujud tanpa keamanan, kebebasan dan kesamarataan yang diberikan oleh kerajaan. Berbeza amalan agama, budaya, malah perbezaan kepercayaan politik dan fahaman ideologi bukan lesen kepada pepecahan sesuatu negara. Hormat-menghormati, nilai tolak ansur dan saling menggembleng tenaga adalah kunci asas kepada kejayaan kita di masa hadapan.

Sempena Hari Malaysia yg ke 58 pada 16 September 2021 dengan tema Malaysia Prihatin, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada semua rakyat Malaysia. Malaysia Prihatin, Rakyat Prihatin, Saya Prihatin.

Ruddie Royussat Desmond Japar
FGVPM, Wilayah Sampadi, Sarawak

Membina Kerjaya Di Perantauan



Rindu sangat dengan ibu bapa dan adik-beradik di Kuching, Sarawak setelah lebih setahun tidak dapat pulang ke sana berikutan Perintah Kawalan Pergerakan! Tetapi itulah cabaran yang saya perlu hadapi sebagai perantau yang mencari rezeki di sini. Mujur masih terdapat saudara-mara yang berada di Kuala Lumpur, jadi dapatlah saya menghilangkan sedikit rasa

kerinduan itu. Saya telah berada di Semenanjung sejak tahun 2016 kerana melanjutkan pelajaran, sebelum ditawarkan berkhidmat dengan FGV sejak dua tahun yang lalu. Masih lagi teringat kesukaran menyesuaikan diri dan memahami orang lain pada awalnya apabila terdapat perbezaan dari segi sosial dan bahasa, namun saya bernasib baik kerana mempunyai rakan-rakan yang sering membantu untuk menerangkan perkara ini.

Di FGV pula, saya bersyukur berada dalam pasukan yang menyokong dan bersedia mengajar saya tentang cara hidup di sini. Keramahan, sokongan dan tunjuk ajar rakan-rakan sekerja membuat saya berasa sangat dialu-alukan dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan rasa kesedihan apabila berada jauh beratus-ratus batu dari tempat asal.

Walaupun hanya berada di sini selama dua tahun, banyak kenangan yang tidak dapat dilupakan. Pengalaman paling berharga ialah apabila mula-mula menyertai FGV, saya diberi pendedahan tentang operasi syarikat dalam bulan orientasi. Ketika ini saya dan petugas-petugas baharu mengunjungi kilang, pusat penyelidikan dan unit perniagaan yang berbeza untuk memahami operasi. Sangat mengagumkan apabila melihat skala operasi FGV dan pada masa yang sama, saya berasa bangga kerana dapat menjadi sebahagian daripada organisasi ini. Kenangan lain pula ialah apabila dapat mengunjungi pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Kuantan, sebagai sebahagian projek di bawah FGV Prodata. Di sini saya berpeluang untuk melihat bahagian dalam kapal selam yang sebenar.

Jolanda Esther a/k James Sidek
Sektor Logistik & Lain-lain,
FGVH

■ Pemegang-Pemegang Saham Luluskan Penjualan MSM Perlis Kepada FGVIF

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mengumumkan bahawa para pemegang saham telah meluluskan penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti di MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang berlangsung pada 15 September 2021.

Pelupusan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MSM kepada FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) melibatkan pertimbangan penjualan awal berjumlah RM 175 juta tunai yang merangkumi 11 bidang tanah pertanian dan perindustrian.

"Penjualan keseluruhan ekuiti di MSM Perlis dianggarkan akan memberi

keuntungan sebanyak RM 91.6 juta yang mana ia akan digunakan untuk mengurangkan pinjaman, memperbaiki kedudukan tunai dan menguatkan lagi penyataimbangan Kumpulan.

Ia adalah langkah yang bertepatan memandangkan MSM telah konsisten dalam pelaksanaan pelan strategiknya untuk menjana hasil dari aset bukan teras sebagai sebahagian dari proses pemulihan pantas seterusnya meningkatkan prestasi yang lebih baik bagi Tahun Kewangan 2022," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

Penyempurnaan penjualan ini menandakan satu lagi pencapaian bagi

MSM dalam melaksanakan strategi pemulihan selepas Kumpulan berjaya mencatatkan keuntungan suku tahunan yang kuat sejak S4 2020. Pencapaian yang memberangsangkan ini terhasil dari strategi yang terbukti Kumpulan melalui penamatan aset tidak strategiknya dan penukaran fokus operasi terutama di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor).



Semua Ahli Kelab Sukan Kumpulan FGV Malaysia (KSFGV)

NOTIS PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KEDUA KELAB SUKAN KUMPULAN FGV MALAYSIA

Dengan penuh hormat takzimnya kami mendoakan kesihatan dan kesejahteraan semua ahli KSFGV di seluruh negara.

2. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah membuat pelbagai usaha bagi mengekang penularan COVID-19 termasuk mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan dan Fasa Pemulihan Negara di negeri-negeri sejak tahun 2020 / 2021. Antara aktiviti yang dilarang adalah penganjuran majlis rasmi dan sosial melibatkan perhimpunan.

3. Sehubungan itu, berdasarkan pengumuman Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 9 Jun 2021, dimaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa KSFGV telah membuat keputusan untuk **MENANGGUHKAN** Mesyuarat Agung Tahunan KSFGV hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan **sebelum 31 Disember 2021.**

4. Sebarang kesulitan berhubung perkara ini amat dikesali. Perhatian dan kerjasama daripada semua berhubung perkara ini turut pihak kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sentiasalah kita mematuhi SOP yang ditetapkan bagi membendung penularan wabak COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

KELAB SUKAN KUMPULAN FGV MALAYSIA (PPM-021-14-04022020)
Level 13 (West), Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
ksfgv@fgvholdings.com

TANYA DOKTOR POKOK



S: Apakah basic starter pack untuk -mula bercucuk tanam di rumah?
- Mohd Nur Affendi Sallehuddin, FGVH

J: Pasu bunga atau bekas yang bersaliran baik, media tanam dengan campuran 6 bahagian tanah, 3 bahagian pasir dan 1 bahagian baja kompos (organik), tong siram, baja jenis organik atau baja sebatian untuk peringkat pertumbuhan (NPKMg 15/15/15 atau 15/15/6/4) dan peringkat berbunga atau berbuah (NPKMg 12/12/17/2), biji benih atau keratan sebagai bahan tanaman dan

jaring penaungan (*black netting*) untuk peringkat percambahan benih.

S: Apakah yang dimaksudkan dengan tanaman akuaponik dalam rumah hijau?

- Mohd Najeeb Mohd Noor, FGV Prodata

J: Akuaponik merupakan gabungan ternakan ikan air tawar bersama tanaman (sayuran) dalam satu sistem yang sama di mana sisa buangan daripada ikan digunakan sebagai nutrien kepada pertumbuhan tanaman dan pada masa yang sama tanaman dapat menyaring air yang bersih dan sesuai untuk ternakan ikan.



S: Adakah tanaman yang kebiasaannya ditanam di tanah tinggi boleh ditanam dengan suhu normal contohnya strawberi?
- Nurulakedah Jumri, FGVH

J: Jenis tanaman di tanah tinggi boleh ditanam pada tanah pamah. Tetapi perlu memilih atau mendapatkan jenis baka atau varieti yang sesuai untuk tanah pamah dengan suhu yang lebih tinggi untuk mendapatkan pertumbuhan yang subur dan kualiti hasil yang baik.

Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccommms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

RESIPI PILIHAN

Sambal Bunga Kantan

BAHAN-BAHAN

5 kuntum bunga kantan (dihiris)
2 batang serai
* Seinci kunyit hidup
* 50 biji cili api
* Segenggam ikan bilis (asingkan kepada dua bahagian untuk dikisar dan tidak dikisar)
* 5 ulas bawang merah
Gula Prai
Garam Gunung SAJI
1/2 cawan Minyak Masak SAJI



Tahukah anda, bunga kantan boleh dijadikan sambal? Menu ini bukan sahaja sedap malah boleh juga dijadikan makanan untuk ibu-ibu berpantang. Apa kata anda cuba resipi Sambal Bunga Kantan daripada peserta Peraduan Memasak Duta FGV ini.

CARA-CARA

1. Kisarkan bahan-bahan bertanda *.
2. Masukkan Minyak Masak SAJI dan tumiskan bahan-bahan kisar sehingga naik bau dan mendidih.
3. Masukkan bunga kantan yang telah dihiris.
4. Perasakan dengan Garam Gunung SAJI dan Gula Prai.
5. Masukkan lebihan ikan bilis yang belum dikisar.
6. Gaul sehingga kering dan garing dan sedia untuk dihidangkan.

Resipi oleh:
Ruslina Ab Rahman,
DOPSB



TRAVELOG

Aktiviti Menarik Menanti Di Warisan Campsite

Di dalam kesibukan menguruskan projek FGV Prodata di Kuantan, saya berkesempatan untuk menginap di Warisan *Campsite* yang baharu sahaja beroperasi di Chenor, Pahang. Saya memilih untuk menginap di rumah rakit yang betul-betul terletak di tepi Sungai Pahang. Apa yang unik di sini ialah pengunjung boleh menginap di rumah warisan yang berusia 100 tahun selain berkhemah di tapak yang disediakan.

Banyak aktiviti yang boleh dilakukan di sini seperti memancing, menaiki bot di Sg. Pahang, memanah dan berbasikal di persisiran sungai, kawasan kampung serta tempat-tempat bersejarah di Kg. Chenor. Saya berasa seronok apabila dapat menjalankan aktiviti kegemaran saya iaitu berbasikal sebelum mendaki Bukit Kertau berketinggi 853 kaki dari paras laut yang terletak lebih kurang lima kilometer dari tempat penginapan. Saya juga berpeluang menikmati makanan tradisi tempatan yang unik dan enak seperti pais patin, laksa gebuk, kuih badak kubang, kuih pena dan dodol kukus.

Di sini juga terdapat tapak acara yang boleh disewa kepada pengunjung yang berminat untuk mengadakan majlis perkahwinan, jualan / pameran atau acara sukan, Mungkin di masa hadapan, apabila keadaan agak selamat dan kewangan syarikat mengizinkan, bolehlah rakan-rakan

sekerja mengikuti kursus *teambuilding* yang FGV sediakan di sini.

Saya dimaklumkan pihak pengurusan akan turut membina sangkar renang dan rakit supaya para pengunjung dapat merasai pengalaman berenang dan berakit di Sungai Pahang. Aktiviti *all terrain vehicle* (ATV) menyusuri jalan-jalan kampung dan kawasan bersejarah juga akan menyusul. Selain itu, pihak pengunjung juga akan diberi peluang untuk merasai pengendalian bot laju / lumba yang berkuasa tinggi. Tak sabar rasanya untuk ke sana lagi!



oleh:
Wan Syamilah Wan Ismail



Terima Kasih Warga FGV!

Sebanyak RM20,000 berjaya dikumpulkan di mana RM10,075.66 diperoleh dari petugas manakala bakinya ditambah melalui Tabung Kebajikan FGV. Kempen kutipan berlangsung dari 15 Jun hingga 31 Julai 2021. Semoga sumbangan ke Akaun Amanah Bencana kelolaan Kementerian Kewangan Malaysia dapat meringankan beban kerajaan bagi menampung kos pembelian kelengkapan dan peralatan kesihatan untuk memerangi COVID-19, selain membantu rakyat yang terkesan dari wabak ini. Keprihatinan Warga FGV harus dipuji kerana menunjukkan solidariti dalam mendepani pandemik COVID-19.

AKAUN AMANAH BENCANA
RM 20,000.00



Tahniah Pemenang Sayembara PUISI Malaysiaku

12

MALAYSIAKU!

Malaysiaku!
Sebuah negara yang merdeka
Merdeka yang diperjuangkan sehingga
tertumpahnya darah
Usahlah dilupa perjuangan pahlawan yang
berjasa
Kita harus terus berdiri berani
pertahankannya

Ayuh Malaysiaku!
Marilah kita bangkit berjuang kekalkan
merdeka agar tidak dijajah semula oleh
anasir luar
Demi kemerdekaan kita perlu bersatu jiwa

Nor Yalizawati Ya'acob
FGVRD

MALAYSIAKU ALAM PUISI

Malaysiaku alam puisi
hutan hijau luas terbentang
tumpahan darah sebagai saksi
robekan serakah sejarah panjang

Malaysiaku alam puisi
laut terbentang bahtera berlayar
pernah digoncang badai berdiri
lipatan sejarah masih tumbuh dan subur

Malaysiaku alam puisi
bukan lagi tanah jajahan
keluarga Malaysia menjadi saksi
lahirnya Malaysia lewat pengorbanan

Mohamad Azihi Zulkiplee,
FGVPM, Sahabat 55

HASRAT KITA

Kita Lahir Dari Rumpun Yang Sama
Cuma Akarnya Berbeza
Melayu, Cina, India Dan Lainnya
Punya Satu Matlamat Dan Cita-Cita

Masih Mahu Melihat Kemakmuran Negara
Meski Pun Dalam Keadaan Pandemik Melanda
Negara Kita Yang Tercinta

Ayuh Sama-Sama Kita Berganding Bahu
Bersatu Melawan Musuh Halimunan
Semoga Kemenangan Itu Milik Kita Semua.

Abdullah Sani
FGV Transport, Pasir Gudang

BAHAGIALAH MALAYSIAKU

Bahagiaalah
Di sebalik badai yang melanda,
di sebalik kealpaan pemimpin dan rakyatnya...

Bahagiaalah
Kerana dahulu kemerdekaan itu amat ingin diraih
dan pejuang bangsa sudah puas menangis

Bahagiaalah
Di sebalik kekalutan, masih ada kewarasan,
di sebalik yang mencabar kesabaran, masih ada yang akan
terus mempertahankan

Bahagiaalah Malaysiaku
Di dalam kesaksamaan untuk generasi anak cucuku
Di dalam kesejahteraan hingga ke akhir waktu

Nia Anaqi
FGVHB

MALAYSIAKU!

Malaysiaku
Walaupun kecil di peta dunia tetapi megah
di persada dunia
Akan ku pertahankan kedaulatan Negaraku
Biar pun dunia semakin lelah

Takkan ku biarkan negara dijajah lagi
Jangan disebut pisang berbuah dua kali
Bersyukur kita di atas nikmat yang dikecapi
Jangan siakan apa yang ada
Sayangilah Malaysiaku yang tercinta.

Azrena Samsudin
FGVPM

Kuiz Eksplorasi FGV Hub 2.0

FGV FGVHub

Jom sertai Kuiz FGV Hub!

LIMA peserta terawal dengan jawapan yang tepat akan memenangi hadiah-hadiah menarik!

SOALAN

1. Di manakah ruangan petugas FGV boleh memberi sebarang komen atau pendapat?
2. Di manakah anda boleh membaca edisi e-Cassia yang telah diterbitkan?
3. Di manakah anda boleh membaca artikel Pelancaran Kempen Keselamatan dan Kaizen FGVPI?
4. *So Fresh for Less!* Di manakah laman slogan ini berada?
5. Anda boleh mendapat maklumat tentang kempen PRIDE di sini.
6. Apakah perniagaan-perniagaan utama yang disenaraikan di bawah Sektor Logistik dan Lain-lain?
7. Siapakah penganjur program bakul makanan yang dijalankan oleh MSM Prai Berhad?
8. Apakah nama iklan Saji sempena Hari Kebangsaan 2021 dan di manakah ianya berada?
9. Di manakah anda boleh mengakses kepada *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS MANUAL*?
10. Namakan lima aktiviti yang disenaraikan di bawah laman R&D
<https://bit.ly/3iK4av0>

Hantarkan jawapan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau
WhatsApp ke +60 19-200 4600

TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

